

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA  
[ SUNGAI BESAR ]**

**TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 25**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menyatakan langkah yang telah diambil untuk mengurangkan beban dan waktu perkeranian guru-guru di sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedar bahawa tugas pentadbiran berlebihan mengambil masa urusan teras guru dalam pengajaran dan pembelajaran, serta mengurangkan keberkesanan pengajaran mereka disebabkan oleh gangguan tumpuan terhadap fungsi teras.

Oleh yang demikian, KPM telah mengambil pelbagai langkah bagi memastikan bagi mengurangkan beban tugas pentadbiran yang ditanggung oleh guru. Pada tahun 2019, KPM telah memperkenalkan 10 inisiatif seperti yang telah diumumkan semasa Perutusan Tahun Baharu 2019 dan pada Majlis Sambutan Hari Guru yang lalu, iaitu:

1. Memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi Skim Pinjaman Buku Teks, Fail Panitia dan Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah;
2. Pengurusan data guru dan murid dikumpul dan diambil daripada sumber data sedia ada dan penggunaan Sistem Kehadiran Murid dalam talian;

3. Pelaksanaan Literasi dan Numerasi (LINUS) dirangka oleh sekolah sesuai dengan keperluan murid susulan pemansuhan Peperiksaan Tahap 1;
4. Penyeragaman borang dan proses pemantauan bagi Borang Penarafan Kendiri Kantin dan Borang Prestasi Perkhidmatan Kontraktor Pembersihan dan Keselamatan;
5. Penyelarasan penubuhan jawatankuasa di peringkat sekolah bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang tidak berkaitan dengan tugas mendidik dimansuhkan;
6. Semakan secara berkala dan penyediaan dokumen/eviden berkaitan SKPMg2;
7. Pengawasan peperiksaan dilaksanakan pada waktu sekolah dan analisis peperiksaan dijana secara automatik;
8. Pengisian Rekod Kesihatan Murid secara dalam talian (e-RKM) tanpa guru mengisi maklumat murid;
9. Pemansuhan Ujian Aptitud Tahun 3 di sekolah yang tiada guru Bimbingan dan Kaunseling; dan
10. Peruntukan Guru Ganti disalurkan kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri pada awal tahun dan pengambilan Guru Interim bagi mengisi kekosongan guru yang ada.

Dalam masa yang sama, KPM melalui Jawatankuasa Mengkaji Beban Guru akan terus meneliti inisiatif yang boleh membantu meringankan beban tugas guru melalui perbincangan bersama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan Majlis Guru Besar (MGB). Di samping itu juga, pemantauan terhadap pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan akan dijalankan oleh Jawatankuasa ini.

Sekian, terima kasih.